

PERNYATAAN PENTING UNTUK PERSIDANGAN HARI KESYUKURAN 2021

**Hidup dalam Triniti Divin bererti tinggal dalam-Nya,
kekal berada dalam-Nya, huni dalam Dia sebagai rumah kita;
hidup bersama dengan Triniti Divin adalah untuk Dia tinggal dalam kita
supaya kita dapat mempunyai hadirat-Nya, yakni persona-Nya,
bersama dengan kita untuk kenikmatan kita.**

**Hidup bersama dengan Triniti Divin bererti
mempunyai Kristus yang bangkit itu hidup dalam kita;
kebangkitan bermaksud bahawa
segala-gala berasal daripada Tuhan dan bukan daripada kita;
kebangkitan bermaksud bahawa Tuhan sendiri dapat dan kita tidak dapat,
dan bahawa segala-gala dilakukan oleh Tuhan, bukan diri kita.**

**Kita dapat hidup bersama dengan Triniti Divin
melalui perbekalan limpah lengkap daripada Roh Yesus Kristus—
Roh bagi Yesus yang menderita dan Kristus yang bangkit—
yang membolehkan kita berhidupkan Kristus
dan memperbesar Kristus dalam segala sekitaran.**

**Pengalaman dan kenikmatan terhadap Triniti Divin secara penuh—
berbahagian dalam kasih Tuhan, kurnia Tuan Yesus Kristus,
dan persekutuan Roh Kudus—dikonsumasikan melalui Dia
yang sekarang, yang dahulu, dan yang akan datang,
melalui tujuh Roh, serta melalui Yesus Kristus,
Saksi yang setia itu, Yang Pertama-lahir daripada yang mati,
dan Pemerintah kepada raja-raja di bumi.**

Garis Kasar Mesej untuk Persidangan Hari Kesyukuran
25-28 November 2021

SUBJEK AM: HIDUP DALAM DAN BERSAMA DENGAN TRINITI DIVIN

Mesej Satu

**Ekonomi Divin serta Pendispenan Divin daripada Triniti Divin
dalam Pergerakan Divin dan dalam Pengalaman Kita**

Bacaan Bible: 1 Tim. 1:3-5; Yoh. 4:14b;

Mat. 1:18, 20-21, 23; 3:16-17; 6:9-10, 13; 12:28; 28:19

- I. Kita perlu melihat bahawa perkara utama dalam Bible ialah ekonomi divin serta pendispenan divin daripada Triniti Divin ke dalam percayawan dalam Kristus demi pembinaan gereja sebagai Tubuh Kristus, yang akan berkonsumasi dalam Yerusalem Baru sebagai ekspresi korporat yang abadi bagi Tuhan Tritunggal—1 Tim. 1:3-5; Ef. 3:14-21; 4:16; Wahi 21:2, 10-11:**
 - A. Ekonomi divin ialah pentadbiran rumah tangga Tuhan untuk mendispenkan diri-Nya dalam Triniti Divin-Nya ke dalam umat pilihan-Nya supaya mereka dapat ditransform demi menghasilkan gereja, iaitu Tubuh Kristus, rumah Tuhan, kingdom Tuhan, dan pasangan Kristus, yang agregat muktamadnya ialah Yerusalem Baru—1 Tim. 1:3-4; Yoh. 1:14, 29; Kis. 2:24; 1 Kor. 12:12-13; 15:45b; 1 Tim. 3:15; Wahi 5:10; 21:2.
 - B. Segala-gala yang disebut dalam Wasiat Baru berkenaan Tuhan berkaitan dengan pendispenan divin demi ekonomi divin; ekonomi divin disempurnakan melalui pendispenan divin daripada Triniti Divin—Roma 8:3, 11; Ef. 1:3-23; 2 Kor. 13:14; Ef. 3:14-21.
 - C. Seluruh Bible ditulis menurut visi yang mengawal, iaitu Tuhan Tritunggal sedang menggarapkan diri-Nya ke dalam umat yang dipilih dan ditebus-Nya untuk menjadi hayat dan bekalan hayat mereka, untuk menepui seluruh diri mereka dengan Triniti Divin, iaitu dengan Bapa sebagai sumber, Anak sebagai lemak, dan Roh itu sebagai sungai—Mzm. 36:8-9.
 - D. Tuhan Tritunggal—Bapa, Anak, dan Roh—telah terproses untuk menjadi Roh beri-hayat supaya kita dapat minum Dia agar Dia menjadi kenikmatan kita; inilah pendispenan divin daripada Triniti Divin—Yoh. 1:14; 4:14; 7:37-39; 1 Kor. 12:13; 15:45b; 2 Kor. 13:14.
 - E. Apabila kita minum air hidup, air itu menjadi “sumber mata air...yang memancur keluar ke dalam hayat abadi” (Yoh. 4:14b) dalam kita; Bapa sebagai punca ialah sumber air; Anak sebagai ekspresi ialah mata air, dan Roh sebagai transmisi ialah aliran; kata sendi nama *ke dalam* juga bermakna “menjadi”, dan totaliti hayat abadi ialah Yerusalem Baru; oleh itu, hasil pengaliran Triniti Divin dalam kita dan keluar daripada kita ialah kita menjadi Yerusalem Baru (7:37-39; Mzm. 46:4; Wahi 22:1-2; 7:17; 21:6; 22:17).
- II. Berdasarkan visi yang menguasai tentang ekonomi divin serta pendispenan divin daripada Triniti Divin, kita dapat melihat Triniti Divin dalam pergerakan divin dan dalam pengalaman kita dalam buku Matius:**
 - A. Dalam Matius 1, Roh Kudus (ay. 18, 20), Kristus (Anak—ay. 18), dan Tuhan (Bapa—ay. 23) hadir untuk menghasilkan manusia Yesus (ay. 21); Yesus yang merupakan Yehova Penyelamat dan Tuhan bersama dengan kita, ialah perjasadan Tuhan Tritunggal:
 1. Matius 1:20 dan 21 mewahikan pengandungan divin oleh Roh Kudus dan kelahiran Yesus (Anak); kemudian ayat 23 memberitahu kita bahawa Dia ini dipanggil Imanuel oleh manusia, yang membawa maksud “Tuhan [Tuhan Bapa] bersama dengan kita”.

2. Tuhan Bapa bersama dengan kita ialah hasil daripada pengandungan divin oleh Roh Kudus dan kelahiran Yesus, Anak—bd. Luk. 1:35.
- B. Dalam Matius 3, Anak berdiri dalam air baptisan di bawah syurga-syurga yang terbuka, Roh itu turun seperti burung merpati ke atas Anak, dan Bapa berbicara dari syurga-syurga kepada Anak—ay. 16-17:
 1. Tuan Yesus dilahirkan daripada Roh itu (Luk. 1:35), mempunyai Roh Tuhan dalam-Nya secara esensial untuk kelahiran-Nya; kemudian untuk ministri-Nya, Roh Tuhan turun ke atas-Nya secara ekonomikal untuk mengurapi Dia sebagai Raja baru dan memperkenalkan Dia kepada umat-Nya—Yes. 61:1; 42:1; Mzm. 45:7.
 2. Tuan dibaptis untuk menggenapi keadilbenaran Tuhan serta untuk diletakkan ke dalam kematian dan kebangkitan; ini membawa tiga perkara kepada-Nya: syurga-syurga terbuka, Roh Tuhan turun, dan Bapa berbicara; begitu juga dengan kita hari ini demi penyempurnaan ekonomi Tuhan—Mat. 3:16-17.
 3. Dengan turunnya Roh Tuhan seperti burung merpati ke atas Tuan Yesus, Dia dapat meminister dalam keramahlembutan dan ketulusan, berfokus sepenuhnya pada kehendak Tuhan; turunnya Roh itu merupakan pengurapan Kristus, manakala pembicaraan Bapa merupakan kesaksian bahawa Kristus ialah Anak yang dikasihi.
- C. Dalam Matius 6, doa yang diajar Tuan kepada kita bermula dengan Tuhan Tritunggal, dalam urutan Bapa, Anak, dan Roh (ay. 9-10), dan berakhir juga dengan Tuhan Tritunggal, tetapi dalam urutan Anak, Roh, dan Bapa (ay. 13); berdoa secara demikian bererti berdoa agar Tuhan Tritunggal menang di bumi sebagaimana Dia menang di syurga-syurga:
 1. Dalam Matius 6:9-10, Tuan mengajar percayawan agar berdoa dengan mengungkapkan tiga permohonan yang mengimplikasikan Triniti Ketuhanan: “Dikuduskanlah nama-Mu,” terutamanya berkaitan dengan Bapa; “datanglah kingdom-Mu,” berkaitan dengan Anak; dan “terlaksanalah kehendak-Mu,” berkaitan dengan Roh:
 - a. Untuk nama-Nya dikuduskan, kita harus mengekspresikan-Nya dalam kehidupan kita dengan menjalani kehidupan harian yang diasingkan kepada Tuhan dan ditepui Tuhan—1 Ptr. 1:15-17; 2 Ptr. 1:4; bd. Yes. 11:2.
 - b. Untuk kingdom Tuhan datang, kita harus menjalani kehidupan yang mempunyai keadilbenaran, kedamaian, dan keriangan dalam Roh Kudus—Roma 14:17.
 - c. Kehendak divin terlaksana di bumi bererti membawa pemerintahan syurgawi, kingdom syurga-syurga, ke bumi ini—bd. Mat. 8:9a.
 - d. Hal ini digenapi pada zaman ini, dan akan digenapi sepenuhnya pada zaman kingdom yang akan datang; pada masa itu, nama Tuhan adalah unggul di seluruh bumi (Mzm. 8:1), kingdom dunia akan menjadi kingdom Kristus (Wahi 11:15), dan kehendak Tuhan akan disempurnakan.
 2. Teladan doa Tuan berakhir dengan berkata, “Kerana kingdom, kudrat, dan kemuliaan ialah milik-Mu buat selama-lamanya. Amen”—Mat. 6:13:
 - a. Kingdom itu kepunyaan Anak dan ialah alam Tuhan melaksanakan kudrat-Nya; kudrat itu kepunyaan Roh itu dan melaksanakan hasrat Tuhan supaya Bapa dapat mengekspresikan kemuliaan-Nya.
 - b. Oleh itu, doa yang diajar oleh Tuan dalam ajaran-Nya yang tertinggi bermula dengan Tuhan Bapa dan juga berakhir dengan Tuhan Bapa; Tuhan Bapa ialah permulaan dan pengakhiran, Alfa dan Omega, supaya Tuhan Bapa dapat menjadi segala dalam segala—1 Kor. 15:28.
- D. Dalam Matius 12, Anak, dalam persona manusia, mengusir demon melalui Roh untuk membawa masuk kingdom Tuhan Bapa—ay. 28:

1. Cara Dia mengusir demon melalui Yang satu lagi dan untuk Yang satu lagi, menunjukkan bahawa Dia tidak bertindak secara individualistik tetapi bertindak dengan kerendahan hati dan tidak mementingkan diri.
 2. Anak sebagai pusat Triniti Divin, sama sekali bukan melalui diri-Nya, untuk diri-Nya, atau terhadap diri-Nya; segala-gala yang dilakukan Anak adalah melalui Roh Tuhan dan untuk kingdom Tuhan Bapa.
 3. Anak tidak melakukan apa-apa melalui diri-Nya atau untuk diri-Nya; di sini kita dapat melihat kerendahan hati-Nya dan Dia tidak mementingkan diri; ini juga menunjukkan kepada kita keharmonian, keindahan, dan keunggulan dalam Triniti Divin.
 4. Pergerakan Triniti Divin serta koordinasi divin dalam Matius 12:28 ialah contoh yang unggul dan indah untuk kita teladani; inilah teladan baik yang didirikan oleh Kepala kita untuk koordinasi kita sebagai anggota Tubuh-Nya:
 - a. Hari ini, dalam kehidupan gereja, Tubuh Kristus masih belum dibina dengan secukupnya kerana kekurangan koordinasi yang wajar.
 - b. Kita mungkin melakukan sesuatu menurut kehendak Tuhan, namun segalanya yang kita lakukan tidak sepatutnya dilakukan melalui diri kita tetapi melalui orang lain; selain itu, hal yang kita lakukan tidak sepatutnya membawa manfaat kepada diri kita tetapi untuk kepentingan, hak Tuhan di bumi ini.
- E. Dalam Matius 28, selepas Kristus sebagai Adam terakhir (1 Kor. 15:45b) melalui proses penyaliban, masuk ke dalam alam kebangkitan, dan menjadi Roh beri-hayat, Dia datang semula kepada disipal-Nya dalam suasana dan realiti kebangkitan-Nya untuk mengarahkan mereka agar menjadikan bangsa-bangsa itu umat kingdom dengan membaptis mereka ke dalam nama, persona, realiti, Triniti Divin—Mat. 28:19:
1. Kristus sebagai pusat Tuhan Tritunggal yang terproses adalah untuk disipal-disipal membaptis orang ke dalam Tuhan Tritunggal yang terproses dengan membaptis mereka ke dalam-Nya—Kis. 8:16; 19:5; Gal. 3:27; Roma 6:3-4; 1 Kor. 12:13.
 2. Membaptis orang ke dalam nama Tuhan Tritunggal bererti membawa mereka ke dalam penyatuan yang organik, rohani, dan mistikal dengan-Nya.
 3. Satu nama Triniti Divin ialah seluruh rangkuman Diri Divin yang bersamaan dengan persona-Nya; membaptis seseorang ke dalam nama Tuhan Tritunggal bererti membenamkannya ke dalam segala apanya Tuhan Tritunggal.
- III. Kita perlu berdoa agar Roh realiti memimpin kita ke dalam segala realiti ekonomi divin serta pendispenan divin daripada Triniti Divin dalam pergerakan divin dan dalam pengalaman kita; kita perlu menjadi orang yang hidup dalam dan bersama dengan Triniti Divin, mempunyai Dia sebagai satu-satunya substansi dan elemen kehidupan kita—Yoh. 16:13; 15:4-5.**